

**DALAM MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA DIPUTRAJAYA  
(BIDANGKUASA RAYUAN)**

**RAYUAN SIVIL NO: 01-06-2008**

**ANTARA**

**Muhammad Sanusi bin Md Nor - PERAYU**

**DAN**

- 1. Mohd Tajuddin bin Abdullah**
- 2. Pegawai Pengurus Pilihanraya  
Bahagian Pilihanraya N. 23 Belantek  
- Abdul Aziz bin Hj. Abdul Ghani**
- 3. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) - RESPONDEN-  
RESPONDEN**

**KORUM**

**ALAUDDIN BIN DATO' MOHD. SHERIFF, HBM  
ARIFIN ZAKARIA, HMP  
ZULKIFLI AHMAD MAKINUDDIN, HMP**

## **PENGHAKIMAN MAHKAMAH**

### **PENDAHULUAN**

1. Rayuan ini menentang keputusan Mahkamah Pilihan Raya (Mahkamah) bertarikh 12 Jun, 2008 yang memutuskan bahawa Petisyen Pilihan Raya (Petisyen) yang dikemukakan oleh Perayu (Pempetisyen) ditolak dengan kos atas bantahan awal yang dibangkitkan oleh Responden-Responden.
2. Di dalam Pilihan Raya di Bahagian N.23, Belantek, Kedah, yang telah diadakan pada 8 Mac 2008 Responden Kedua sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya telah mengisytiharkan Responden Pertama yang memperolehi 8,226 undi sebagai pemenang mengalahkan Perayu (Pempetisyen) yang mendapat 7,974 undi. Majoriti undi yang diperolehi Responden Pertama ialah 252 undi.
3. Terkilan dengan keputusan ini maka Perayu (Pempetisyen) telah mengemukakan rayuannya ke Mahkamah bagi mencabar keputusan tersebut.

### **FAKTA-FAKTA**

4. Melalui Petisyen yang difailkan ini, Perayu (Pempetisyen) memohon dari Mahkamah relif-relif seperti berikut:
  - (a) Satu perisytiharan bahawa Senarai Nama Pemilih Baru yang terdiri dari 952 orang pengundi pos adalah tidak sah dan bahawa kesemua pengundi pos tersebut tidak layak untuk mengundi dalam Pilihan Raya di Bahagian N.23 Belantek yang diadakan pada 8 Mac 2008 yang lalu;
  - (b) Satu perisytiharan bahawa Responden Pertama, Mohd. Tajudin bin Abdullah telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilapor pilih; dan

- (c) Satu perisytiharan bahawa Pempetisyen kamu, Muhammad Sanusi bin Md. Nor adalah pihak yang memenangi Pilihan Raya Bahagian N.23 Belantek ; atau
- (d) Satu perisytiharan bahawa Pilihan Raya, Bahagian N.23 Belantek sebagai tidak sah dan terbatal; dan
- (e) Satu perisytiharan bahawa satu Pilihan Raya semula hendaklah diadakan bagi Bahagian N.23, Belantek;
- (f) Pengesahan dan arahan-arahan di bawah Seksyen 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya (AKPR) 1954;
- (g) Kos;
- (h) Lain-lain relif yang difikirkan sesuai dan manfaat dan adil oleh Mahkamah.

5. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh Perayu (Pempetisyen) bagi menyokong permohonannya adalah seperti berikut:

- (a) Ketidakpatuhan peruntukan undang-undang bertulis berhubung perjalanan Pilihan Raya oleh Responden Ketiga dan bahawa Pilihan Raya tidak dijalankan mengikut prinsip dalam undang-undang bertulis (Seksyen 32(b) AKPR 1954).
- (b) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 (P.U.(A)185/2003) adalah ultra vires peruntukan dalam Akta Pilihan Raya (APR) 1958 dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

6. Melalui notis bantahan awal bertarikh 14 Mei, 2008 Responden-Responden telah membangkitkan beberapa bantahan kepada petisyen yang dikemukakan oleh Perayu (Pempetisyen). Alasan-alasan yang dikemukakan ialah:

- (i) Pempetisyen telah gagal mematuhi kehendak Kaedah 15 Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 berdasarkan alasan-alasan bahawa Notis Pengemukakan Petisyen dan Petisyen dengan sengaja tidak diserahkan oleh Pempetisyen dalam tempoh 15 hari dari tarikh pemfailan Petisyen;
- (ii) Pempetisyen telah gagal mematuhi kehendak Kaedah 4(4) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 berdasarkan alasan bahawa Petisyen tersebut tidak berasaskan kepada mana-mana alasan seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 32 AKPR 1954;
- (iii) Pempetisyen telah gagal untuk menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan perjalanan Pilihan Raya telah menjejaskan keputusan Pilihan Raya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 32(b) AKPR 1954; dan
- (iv) Petisyen tersebut mencabar kesahihan Daftar Pemilih yang telah diperakui dan ini adalah bertentangan dengan Seksyen 9A APR 1958 dan otoriti-otoriti undang-undang yang lain.

7. Setelah mendengar hujahan-hujahan kesemua pihak berhubung bantahan awal tersebut Hakim bijaksana memutuskan bahawa kedua-dua alasan yang dibangkitkan oleh Pempetisyen di dalam Petisyen ini adalah tidak menepati kehendak Seksyen 32(b) AKPR 1954. Bantahan awal yang dikemukakan oleh Responden-Responden adalah bermerit dan dibenarkan. Beliau memutuskan bahawa Petisyen ini dibatalkan dengan kos. Seterusnya menurut peruntukan Seksyen 36(1) AKPR 1954 beliau juga memutuskan bahawa Responden Pertama telah dilaporpilih dengan sewajarnya.

8. Lantaran keputusan tersebut, Pempetisyen telah memfailkan rayuannya ke Mahkamah ini.

### **ISU-ISU**

9. Sungguhpun terdapat sebelas (11) alasan-alasan yang terkandung di dalam Memorandum Rayuan yang dikemukakan oleh Perayu (Pempetisyen) peguam bijaksana Perayu di dalam hujahannya di hadapan Mahkamah ini tidak pula menyentuh kesemua alasan-alasan tersebut. Malah beliau berpuashati untuk membangkitkan hanya dua perkara sahaja.

10. Perkara-perkara atau isu-isu yang dimaksudkan ialah:

- (i) Adakah benar Perayu (Pempetisyen) telah mempertikaikan Daftar Pemilih melalui Petisyen yang dikemukakan beliau (Alasan 1, 2, 3, 4 di m.s. 8-9 Rekod Rayuan).
- (ii) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 ultra vires peruntukan dalam APR 1958 dan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan (Alasan 8 m.s. 10 Rekod Rayuan).

### **PENDAPAT MAHKAMAH**

#### **Isu Pertama**

11. Mengenai isu ini peguam Perayu berhujah bahawa terdapat pengundi-pengundi dari luar Bahagian N.23 (contohnya dari Grik) telah datang untuk membuang undi di Bahagian ini. Dengan berlakunya insiden ini maka sudah pasti ianya akan mempengaruhi keputusan Pilihan Raya.

12. Oleh hal yang demikian Perayu berhak untuk mempertikaikan Daftar Pemilih di dalam Petisyen ini dan beliau tidak dihalang oleh Seksyen 9A APR 1958.

13. Kesemua Responden di dalam rayuan ini secara sekata membuat hujahan membantah Petisyen ini atas alasan bahawa ianya adalah tidak kompeten dan dilarang di bawah peruntukan Seksyen 9A APR 1958.

14. Seksyen 9A memperuntukkan:

“9A. Selepas sesuatu daftar pemilih diperakui atau diperakui semula, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan notis mengenai pemerakuan atau pemerakuan semula itu telah disiarkan dalam Warta sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, daftar pemilih itu hendaklah disifatkan sebagai muktamad dan mengikat dan tidak boleh dipersoalkan atau dirayu terhadapnya atau dikaji semula, dibatalkan atau diketepikan oleh, mana-mana mahkamah.”

15. Pada hemat kami adalah jelas dari peruntukan di atas bahawa hak untuk menimbulkan apa-apa isu atau bantahan terhadap daftar pemilih perlu dilaksanakan sebelum ianya diperakui atau diperakui semula dan sebelum notis perakuan tersebut diwartakan.

16. Justeru adalah dihujahkan oleh Responden-Responden bahawa daftar pemilih yang diperakui atau diperakui semula hendaklah disifatkan sebagai muktamad seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 9A APR 1958 tersebut.

17. Peguam Perayu merujuk kepada Petisyen yang difailkan oleh Perayu di dalam kes ini. Beliau menyatakan bahawa Responden Ketiga telah gagal untuk mematuhi peruntukan Seksyen 9(1) APR 1958 dan Peraturan 11, 12, 13(1) dan (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 (sila lihat perenggan 4.1.1(a) hingga (f) Petisyen di m.s. 16 – 19 Rekod Rayuan). Dengan kata lain inilah yang

dimaksudkan oleh Perayu sebagai ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang berhubung perjalanan pilihan raya oleh Responden Ketiga.

18. Dari sudut pandangan kami alasan-alasan yang dibangkitkan oleh Peguam Perayu seperti yang terkandung di dalam perenggan 4.1.1. (a) hingga (f) Petisyen tersebut adalah merupakan cabaran kepada perkara yang berkaitan dengan Daftar Pemilih, khususnya berhubung dengan proses penyediaan Daftar Pemilih.

19. Kami ingin menegaskan di sini bahawa Petisyen adalah merupakan pertikaian dalam perkara yang berhubung dengan perjalanan pilihan raya.

20. Setelah dikaji dengan teliti hujahan peguam Perayu (lihat perenggan 4.1.1. (a) hingga (f)) kami mendapati tiada sebarang fakta yang dikemukakan oleh Perayu bagi menyokong dakwaan bahawa berlakunya ketidakpatuhan mengenai perjalanan pilihan raya seperti yang disebut dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981. Sebaliknya apa yang dipertikaikan oleh Perayu ialah berkenaan dengan Daftar Pemilih dan kegagalan, kecuaiian dan ketidakpatuhan oleh Responden Ketiga dalam penyediaan daftar tersebut.

21. Jelas bagi kami bahawa Daftar Pemilih adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di dalam mana-mana Mahkamah. Begitulah maksud dan hasrat Seksyen 9A APR 1958 yang telah dihuraikan di atas.

22. Memperkatakan mengenai isu yang sama di dalam kes **Tengku Nawawi bin Tengku Ab. Kadir @ T. Putra v. Lokman b. Muda & 2 Lagi [1996] 1 CLJ 551** Hakim Abdul Hamid Mohamad (Y.A. ketika itu), menyatakan:

“Petisyen pilihan raya bukanlah satu prosidur untuk mencabar atau mempertikaikan nama-nama yang terdapat dalam daftar pemilih yang telah diperakui. Petisyen pilihan raya adalah proses bagi mencabar cara pilihan raya dijalankan.”

23. Kami juga berpendapat bahawa dakwaan Perayu yang menyatakan Daftar Pemilih Tambahan tidak disediakan, disiarkan dan disebarkan mengikut peruntukan Seksyen 9(1) APR 1958 dan Peraturan 11, 12 dan 13 (1) & (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 tidak langsung bersangkut-paut dengan cara pilihan raya itu dijalankan. Samalah juga keadaannya dengan kecuaiannya, kesilapan dan ketidakpatuhan Responden Ketiga kepada peruntukan tersebut. Ianya tidak sama sekali menyentuh cara pilihan raya itu dikendalikan.

24. Di dalam kes **Dr. Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus Pilihanraya N26 Bangi & Ors and Other Petitions (2005) 5 CLJ 349 di m.s. 376** tatkala membincangkan skop dan pengertian mengenai petisyen yang diasaskan di bawah peruntukan Seksyen 32(b) AKPR 1954 Hakim V.T. Singam menegaskan seperti berikut:

“On the other hand, the new S32(b) of the Election Offences Act 1954 restricts the operation of this section to non-compliance of any written law that relates specifically to the ‘conduct of any election’. The new section is narrower in that it can only be invoked if the Petitioner can show that there has been non-compliance of the provisions of the Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981 specifically or more generally other written law that governs only the conduct of election.”

25. Berhubung dengan alasan ini juga, Perayu memohon satu relif supaya Mahkamah mengeluarkan satu perintah perisytiharan bahawa senarai nama pemilih baru tersebut yang mengandungi seramai 952 orang pengundi pos adalah tidak sah dan kesemua pengundi pos tersebut tidak layak mengundi dalam pilihan raya bagi Bahagian Pilihan Raya N.23 Belantek. Mengikut pengamatan kami ini juga jelas menunjukkan bahawa cabaran bukanlah terhadap perjalanan pilihan raya tetapi terhadap kesahan Daftar Pemilih yang telah dimuktamadkan.

26. Kami bersependapat dengan Yang Arif Hakim bahawa cabaran terhadap Daftar Pemilih adalah di luar bidangkuasa Mahkamah untuk memutuskannya. Cabaran tersebut sepatutnya dibuat di forum yang lain dan bukannya melalui petisyen. Kami juga bersetuju dengan Yang

Arif Hakim bahawa atas alasan tersebut petisyen Perayu adalah cacat dan bantahan yang dikemukakan oleh Responden-Responden atas isu ini adalah berasas dan boleh diterima.

27. Adalah menjadi prinsip mantap bahawa mana-mana petisyen yang tidak mengikuti atau menepati kehendak mandatori mana-mana undang-undang pilihan raya dianggap cacat dan batal (sila lihat **Devan Nair v. Yong Kuan Teik [1967] 1 MLJ 261; Chong Thain Vun v. Watson & Anor [1968] 1 MLJ 261 dan Patau Rubic @ Dr. Patau Rubis v. Patrick Awek & Anor [1984] 1 CLJ 51**).

28. Adalah perlu bagi kami menyatakan di sini bahawa kehendak statutori sesuatu petisyen hendaklah dipatuhi dengan ketat dan sepenuhnya kerana pertikaian pilihan raya adalah suatu prosiding statutori yang khas serta khusus dan asing kepada undang-undang common law atau ekuiti.

29. Di dalam kes **Hugh Siak Meng & Anor v. Daing Ibrahim [1975] 4 MLJ 275**, Hakim Hashim Yeop Sani (Y.A. ketika itu) menyatakan seperti berikut:

“The right of a person conferred under the law relating to election is a special statutory right conferred by a special statute and this right has its origin in the special statute itself and not under the common law or equity. The legislature has created a special tribunal for the purpose of trying Election Petitions and the jurisdiction is a peculiar jurisdiction.”

30. Keputusan-keputusan Mahkamah di dalam kes-kes **Tengku Korish v Mohamad bin Jusoh [1970] 1 MLJ 6; Dr. Lee Chong Meng v. Abdul Rahman bin Haji Abdullah [2000] 6 MLJ 98 dan Mohamad Hanafi bin Seman v. Wan Othman bin Wan Yusoff & Ors [2000] 3 MLJ 482**, menyuarakan pendapat yang sama.

## **Isu Kedua**

31. Mengenai isu ini peguam bijaksana Perayu berhujah bahawa dalam menjalankan pilihan raya tersebut Responden Ketiga telah membenarkan pengundian dilakukan secara pos menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 [P.U. (A) 185/2003] oleh pengundi-pengundi tidak hadir iaitu seramai 952 pengundi.

32. Mengikuti peguam bijaksana Perayu Peraturan-Peraturan ini yang dibuat oleh Responden Ketiga di bawah Seksyen 16 APR 1958 adalah ultra vires Akta tersebut oleh kerana pengundian secara pos yang dijalankan oleh Responden Ketiga tidak menjamin kerahsiaan undi yang menjadi satu asas dalam pilihan raya yang adil dan bersih.

33. Peguam bijaksana juga menyatakan bahawa Peraturan-Peraturan tersebut adalah bercanggah dengan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan. Ini menyebabkan Peraturan-Peraturan tersebut tidak sah dan terbatal. Justeru pengundian pos tersebut juga tidak sah dan terbatal dan atas alasan tersebut ianya menyentuh keputusan pilihan raya tersebut di bawah seksyen 32(b), AKPR 1954.

34. Setelah diteliti penghujahan peguam bijaksana Perayu, kami berpendapat bahawa apa yang diperkatakan atau diujahkan adalah di luar skop pemakaian seksyen 32(b) AKPR 1958. Apa yang dibangkitkan ialah mengenai 'constitutionality' atau kesahan Peraturan-Peraturan tersebut. Perkara ini bukanlah merupakan satu isu yang boleh diputuskan oleh sebuah Mahkamah melalui Petisyen. Perkara ini adalah diluar bidangkuasa Mahkamah.

35. Dengan penuh hormat kepada peguam bijaksana Perayu kami ingin menyatakan bahawa mencabar Peraturan-Peraturan tersebut melalui Petisyen merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah oleh kerana seksyen 32 AKPR 1954 tidak memperuntukkan remedi yang dituntut.

36. Berhadapan dengan cabaran yang sama di dalam kes **Mohamad Sabu v Pegawai Pengawas Pilihan Raya & Yang Lain [2008] 9 CLJ 26** Hakim Ramli Ali menyatakan:

"Sekiranya Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah S.16 Akta Pilihan Raya 1958 hendak dicabar ia tidak boleh dicabar melalui Petisyen Pilihan Raya. Tindakan mencabar undang-undang pilihan raya hendaklah dibezakan dengan satu keputusan atau perjalanan proses pilihan raya. Inilah yang telah gagal dibezakan oleh pempetisyen.

Bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya tidak sama dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi kerana bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya adalah spesifik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s.32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 sahaja dan kewujudannya berasaskan Perkara 118 Perlembagaan.

Manakala bidang kuasa Mahkamah Tinggi diperuntukkan di bawah ss.23 dan 24 Akta Mahkamah Kehakiman dibaca bersama Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.”

37. Sesuatu petisyen hendaklah diasaskan kepada lima alasan sahaja seperti yang disebut di dalam Seksyen 32 AKPR 1954.

38. Sungguhpun peguam bijaksana Perayu di dalam hujahnya menyentuh Seksyen 32(b) sebagai satu alasan tetapi beliau gagal menunjukkan bahawa kehendak-kehendak mandatori seksyen tersebut telah dipenuhi.

39. Di dalam petisyennya Perayu juga gagal menyatakan fakta-fakta yang menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan kepada mana-mana undang-undang bertulis berhubung pengendalian pilihan raya dan ketidakpatuhan tersebut telah menyentuh keputusan pilihan raya tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 32(b).

40. Di dalam kes **Gan Joon Zin v. Fong Kui Lum & Ors [2004] 4 CLJ 745** Mahkamah ini menyatakan:

“It is sufficient merely to say that s.32(b) is too clear for anyone to have any doubt that the election of a candidate may only be declared to be void on any one of the grounds provided therein. To avoid the election on ground (b) i.e. non-compliance with the relevant law, it must be proved that there was not only non-compliance but also that such non-compliance had affected the result of the election.”

41. Sentimen yang serupa juga dilaungkan di dalam kes **Dato' Ismail bin Kamus v. Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Zainal Abidin bin Azim & Ors [2005] 3 MLJ 193** ( Lihat juga kes-kes **Re Election Petition of Cheah Seng Teik [1958] MLJ 275; Isahak Hamid v. Mustapha [1965] 2 MLJ 18; Mohamad Jaafar v. Sulaiman [1970] 1**

**MLJ 18; Muip bin Tabib v. Dato' James Wong [1921] 1 MLJ 246 dan Tg. Nawawi b. Abd. Kadir @ T. Putra v. Lokman bin Musa & 2 ors [1996] 1 CLJ 551).**

42. Semata-mata dakwaan bahawa terdapat ketidakpatuhan kepada peruntukan di dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung pengendalian pilihan raya tanpa sebarang fakta menunjukkan ketidakpatuhan ini telah mempengaruhi keputusan pilihan raya tersebut adalah tidak mencukupi bagi Mahkamah memutuskan sesuatu pilihan raya itu tidak sah atau batal.

### **KEPUTUSAN**

43. Oleh kerana didalam rayuan ini Perayu telah gagal berbuat demikian, maka kami bersetuju dengan keputusan Yang Arif Hakim bahawa petisyen Perayu sepatutnya dibuang dengan kos.

44. Berdasarkan alasan-alasan yang telah dihuraikan di atas kami sebulat suara bersetuju bahawa rayuan ini ditolak dengan kos. Deposit diberi kepada Responden sebagai kos untuk ditaksirkan.

Tarikh: 24 Oktober 2008

**( ALAUDDIN BIN DATO' MOHD. SHERIFF )  
HAKIM BESAR MALAYA**

**Counsel:**

Bagi pihak Perayu : Tetuan Darshan Singh & Co  
Peguambela & Peguamcara  
10, Mezzanine Floor  
Lebuh Bishop  
10200 Pulau Pinang

Bagi Pihak Responden : Tetuan Hafarizam Wan & Aisha  
Pertama Mubarak  
Peguambela & Peguamcara  
PO Box 38, Suite 1 Level 5  
Menara Dato' Onn  
Jalan Tun Ismail  
50480 KUALA LUMPUR

Bagi pihak Responden : Peguam Kanan Persekutuan  
Kedua dan Ketiga Jabatan Peguam Negara Msia  
Bahagian Guaman  
Putrajaya